

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID [KAPAR]**

SOALAN NO. 21

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pihak Kementerian bercadang menyediakan khidmat latihan TVET kumpulan lepasan universiti yang masih menganggur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) memainkan peranan yang signifikan dalam menangani isu-isu berkaitan pengangguran belia termasuk di kalangan graduan universiti. Pelbagai usaha telah dilaksanakan dalam memperluas akses pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) kepada semua warganegara Malaysia termasuk graduan universiti menerusi program-program yang dilaksanakan dalam pelbagai bidang yang seterusnya menjanjikan peluang kerjaya yang baik. Antaranya:

- (i) memperkemaskan dan memperluaskan program perantisan dan latihan industri yang bertujuan meningkatkan tahap kebolehpasaran belia khususnya graduan melalui latihan *soft-skills* dan *on-the-job training*. Program-program seperti ini telah menunjukkan kejayaan di mana lebih 90 peratus belia

SOALAN NO: 21

yang mengikuti program tersebut mendapat pekerjaan. KSM melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) melaksanakan *Graduate Enhancement Programme for Employability* (GENERATE). Program ini bertujuan membantu graduan menganggur mendapat latihan dalam bidang berimpak tinggi bersesuaian dengan keperluan industri;

(ii) melaksanakan *Structured Internship Programme* (SIP) yang bertindak sebagai langkah intervensi dalam memastikan graduan negara mendapat pendedahan awal berhubung pekerjaan sebelum menamatkan pengajian. Intervensi ini memberi nilai tambah kepada graduan supaya lebih kompeten dan memenuhi keperluan industri. Inisiatif SIP ini diterajui oleh TalentCorp dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memberi pengalaman praktikal yang menekankan pembangunan pengetahuan atau kemahiran khusus, merangkumi kemahiran teknikal, komunikasi dan perniagaan;

(iii) memperkukuh dan memperkasa Program Sistem Latihan *Dual* Nasional (SLDN) melalui program dan kerjasama dalam pelbagai bidang TVET bagi mengurangkan jurang *mismatch* kemahiran dengan keperluan industri; dan

(iv) menyediakan program *upskilling* dan *reskilling* kepada golongan pekerja bagi mempertingkatkan kemahiran dan menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan kerja masa hadapan serta persekitaran global yang semakin kompetitif dan dinamik. Program *upskilling* dan *reskilling* dijalankan secara berterusan supaya kemahiran yang diperoleh sentiasa bersesuaian dengan keperluan industri semasa.

SOALAN NO: 21

2. Kesimpulannya, Kerajaan sentiasa komited dalam menggalakkan golongan belia terutamanya graduan universiti menceburi bidang kemahiran seterusnya mendapat peluang pekerjaan dalam usaha membina kerjaya dan kehidupan yang cemerlang. Kerajaan yakin semua langkah-langkah yang telah dilaksanakan dijangka dapat membantu graduan mendapatkan pekerjaan dan mengurangkan masalah pengangguran dalam kalangan graduan.